

# Islam dan Kebebasan Beragama Menurut Perlembagaan Persekutuan

ان كتابت ادب مع اسلطان ملاكا

بسم الله الرحمن الرحيم  
الحمد لله رب العالمين سر كل فوج فخير بكل الله توهر  
تعامته مفسرها في هيات ووالم تكري وقيام ان تعامت  
هولك ووالم تكري اخيرة مستانق الخ كام كحضرت بل كسوا  
فكر جات يقترا الو سوكر وان رحمت الله انس كل ككاسوا  
وان يا اية فخر اولو كيت حمد مصطفى صلي الله عليه وسلم  
كان ان فر كتاب سر كل ما سني اية يا يقين بر لا فرق من حكم كسوا  
تبت اينك ملك كيت هو هناك امن حب كخرة الله تعالى هو هفت  
مشفاة هبا كند بني حبله الله عليه وسلم كان ان فر كتاب



Datuk Dr. Abdul Monir Yaacob memperoleh Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Al-Azhar, M.Phil (Law) dari University of London dan PhD dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau pernah bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Syariah dan Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebelum dipinjamkan ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) untuk berkhidmat sebagai Felo Kanan dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pengarah. Beliau kemudian berkhidmat sebagai Profesor di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat Akademik, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam.

Penulis buku ini telah banyak menghasilkan karya-karya ilmiah di dalam majalah dan jurnal akademik. Beliau juga telah menghasilkan beberapa buah buku dan monograf antaranya *Sejarah Perundangan Islam* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, *An Introduction to Malaysia Law* terbitan Penerbit UKM, *Perundangan Islam* terbitan MPH dan sebagai editor kepada beberapa penerbitan buku keluaran IKIM.



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

**ISLAM DAN  
KEBEBASAN BERAGAMA  
MENURUT  
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**



**PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA**



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

**ISLAM DAN  
KEBEBASAN AGAMA  
MENURUT  
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

**Abdul Monir Yaacob**



**TECHKNOWLOGIC TRADING  
SDN BHD**

**PUSTAKA PERDANA .**



**1 009968**



**PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA**

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abdul Monir Yaacob, Datuk, 1946-

Islam & kebebasan beragama menurut Perlembagaan Persekutuan /  
Abdul Monir Yaacob.

Mengandungi indeks  
ISBN 978-967-10419-1-8

1. Liberty—Religious aspects—Islam. 2. Islam and the social sciences.

I. Judul.  
297.27

Cetakan Pertama 2012

© Profesor Datuk Dr Abdul Monir Yaacob, 2012

Penerbit: **Techknowlogic Trading Sdn Bhd**  
D-0-3A, Setiawangsa Business Suites,  
Taman Setiawangsa,  
54200 Kuala Lumpur.

Diterbitkan untuk : **Yayasan Ilmuwan**

Editor Perolehan : Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh  
Editor Kerja : Siti Noorzuraidawati Mihat  
Pereka Letak : Haji Mohammad Rohaizad Haji Mohamad Rasid  
Hafizuldin Satar

Penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula secara keseluruhan ataupun sebahagian dalam apa jua bentuk tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit. Pandangan yang diutarakan dalam buku ini ialah pandangan peribadi penulis, dan tidak semestinya melambangkan pandangan penerbit.

Penerbit merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia yang menyalurkan dana untuk penerbitan buku ini, dan Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Urus Setia Penggerak Industri Buku Negara.

Font : Goudy Old Style  
Saiz font : 12 pt

Pencetak: Gemilang Press Sdn Bhd  
No. 16, Jalan S.B. Jaya 12,  
Taman Industri S.B. Jaya,  
47000 Sungai Buloh,  
Selangor.

297.27  
ABD



# KANDUNGAN

|  |     |
|--|-----|
| Prakata  | i   |
| Kata Alu-aluan   | v   |
| Kata Pengantar   | vii |
| Senarai Statut   | ix  |
| Senarai Kes  | xi  |
| Senarai Kependekan   | xv  |
| <b>Bahagian I : Islam Dalam Perlembagaan</b>                           |     |
| Bab 1 Islam dalam Perlembagaan   | 1   |
| Bab 2 Pelaksanaan Perundangan Islam di Malaysia                        | 35  |
| Bab 3 Perundangan Islam Selepas Merdeka                                | 55  |
| <b>Bahagian II : Pertukaran Agama</b>                                  |     |
| Bab 4 Kesan Pertukaran Agama dari Segi Hukum Syarak                    | 75  |
| Bab 5 Murtad Menurut Hukum Syarak dan Undang-undang                    | 93  |
| Bab 6 Isu Pertukaran Agama di Malaysia                                 | 107 |
| Bab 7 Kebebasan Beragama Sebagai Asas Kesejahteraan                    | 119 |
| Penutup  | 139 |
| Apendiks 1: Wawancara Mingguan Malaysia: “Isunya bukan Moorthy sahaja” | 143 |
| Apendiks 2: Wawancara Utusan Malaysia: “Jangan bermain isu agama”      | 155 |
| Bibliografi  | 161 |
| Indeks   | 165 |





PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# PRAKATA

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menyebut “Islam ialah agama bagi Persekutuan”. Perkara 1(1) pula menyebut bahawa “Persekutuan dinamai Malaysia dalam bahasa Melayu dan dalam bahasa Inggeris”. Dalam hubungan ini, secara jelas, Perlembagaan Persekutuan ini telah meletakkan Islam sebagai agama negara atau agama bagi Malaysia. Ini adalah satu asas terbesar untuk Islam dimartabatkan di Malaysia secara menyeluruh.

Sesuai dengan sifat keterbukaan atau tasamuh yang dianjurkan oleh Islam itu sendiri, Perkara 3(1) turut menyatakan bahawa “agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”. Ini bermakna sesiapa sahaja boleh menganuti agama pilihannya asal sahaja ia tidak mengganggu gugat keamanan dan kedamaian negara. Seandainya gangguan berlaku, pihak yang mengganggu tersebut boleh diambil ke atasnya tindakan undang-undang dan akan diadili serta diputuskan oleh mahkamah bentuk hukumannya.

Kedudukan yang tersebut turut dinyatakan oleh Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 11(1) yang menyebut bahawa “Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya”. Perkara 11 Fasal 4 menyebut bahawa “Undang-undang negeri dan berkenaan Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat perkembangan mana-mana doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam”.

Ini secara jelas juga melindungi kemurniaan akidah umat Islam dari sebarang bentuk pencemaran. Apa sahaja tindakan yang diambil oleh pihak yang diberikan kuasa dalam melindungi kesucian Islam adalah sah dan dilindungi oleh Perlembagaan khasnya melalui Perkara 11 ini.

Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri pula adalah raja bagi negeri berkenaan. Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja, Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam negeri-negeri tersebut. Kuasa raja dan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam tidak boleh dipertikai.

Perkara yang paling penting khasnya buat umat Islam di Malaysia adalah untuk mengambil peluang secara yang paling bijaksana untuk mengembangkan dan terus memajukan kedudukan umat Islam itu sendiri. Polemik dan perdebatan yang tidak menguntungkan perlu dihentikan. Perpecahan dalam kalangan umat Islam sudah cukup meninggalkan kesan yang parah dan tidak perlu diperpanjang lagi. Umat yang berpecah adalah umat yang lemah.

Dalam konteks Hak Kebebasan Beragama, setiap umat Islam perlu menjalankan tanggungjawab dakwah pada batasan upaya dan kemampuan mereka.

Salah satu isu yang wujud adalah gejala murtad. Kefahaman umat Islam termasuklah mereka yang memeluk agama Islam perlu dipertingkatkan khasnya dalam aspek larangan murtad dan hukuman Islam menenainya. Ia adalah satu jenayah di dalam Islam. Punca murtad berlaku perlu dikaji secara menyeluruh. Ada orang murtad kerana faktor sosial, ada kerana faktor ekonomi dan ada juga kerana faktor pengembangan agama oleh pihak-pihak yang mahu mengembangkan agama mereka. Selain daripada gerakan pengukuhan akidah, pembinaan kekuatan umat dari aspek-aspek